

Newspaper

Berita Harian

Date

26 February 2016

Malaysia hab pemprosesan biomas utama Asia Tenggara

BH-26/2/2016

» Pelancaran SBIDP mampu jana tambahan pendapatan negara kasar RM8 bilion

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Pelan Pembangunan Industri Biomas Sabah dan Sarawak (SBIDP) yang dilancarkan semalam bakal meletakkan Malaysia sebagai hab pemprosesan biomas utama di Asia Tenggara. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pembangunan industri biomas bernilai tinggi di Sabah dan Sarawak mampu menjana tambahan pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak RM8 bilion dan 55,000 peluang pekerjaan baharu.

Beliau berkata, lebih 50 peratus biomas negara dijana dari Sabah dan Sarawak yang mempunyai ladang sawit terbesar dan aktiviti perlombongan yang menjana jumlah biomas besar setiap tahun serta potensi untuk menjadi hab pelbagai bahan mentah biomas.

"Jika 4.8 juta tan bahan mentah biomas daripada sawit di Sabah digunakan, ia



Najib menyerahkan Pelan Pembangunan Industri Biomas Sabah dan Sarawak (SBIDP) kepada Shu Kiah selepas melancarkan SBIDP di Putrajaya, semalam.

(FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

mampu menjana RM3.2 bilion tambahan kepada GNI dan RM13.5 juta peluang pelaburan baharu serta mewujudkan lebih 25,000 pekerjaan.

"Sementara pembangunan industri biomas di Sarawak mampu menjana tambahan RM4.8 bilion kepada GNI, mewujudkan 30,000 pekerjaan baharu dan peluang pelaburan kepada negeri berjumlah RM18 bilion menerusi penggunaan rantaian nilai enam juta tan sumber biomas," katanya pada majlis pelancaran SBIDP di Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong; Timbalan Ke-

tua Menteri Sabah, Datuk Panglima Raymond Tan Shu Kiah mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Len Talif Salleh mewakili Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem.

Tumpu tiga lokasi

Najib berkata, pembangunan biomas di Sabah tertumpu di tiga lokasi iaitu Lahad Datu, Sandakan dan Tawau manakala Bintulu, Miri, Tanjung Manis dan Kuching bagi Sarawak.

Katanya, pembangunan industri biomas akan mengurangkan kebergantungan negara terhadap hasil petroleum, sekali gus meningkatkan kemampuan negara menghada-

pi ketidaktentuan ekonomi.

"Kerjasama kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri serta sektor swasta bagi membangunkan industri ini mampu meletakkan Malaysia sebagai hab pemprosesan biomas utama di rantau ini," katanya.

SBIDP dibangunkan bersama oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (MID) serta Unit Perancang Negeri Sarawak (SPU).

Pelan ini yang mempraktikkan strategi dan peluang digariskan dalam Strategi Biomas Nasional 2020 (NBS 2020) akan membantu mengoptimalkan sejumlah besar sumber biomas di Sabah dan Sarawak dan akan memberi manfaat kepada keseluruhan bioekonomi Malaysia.